

BERITA MyGDI

MENARIK DI DALAM ➔



01

SESI LIBAT URUS (SLU)
KAJIAN KESEDIAAN
PEMUSATAN
PERKHIDMATAN
GEOSPATIAL SEKTOR
AWAM (PGSA) ZON
SELATAN



03

MESYUARAT KALI KE-18
KUMPULAN KERJA
PANGKALAN DATA
NAMA GEOGRAFI DAN
GAZETIR KEBANGSAAN
(KKPDNG)



06

MAJLIS PENYERAHAN
APLIKASI KEMAMAN
GIS (KGIS) MELALUI
KOLABORASI
PLATFORM MALAYSIA
ONLINE SERVICES
(MyGOS)



PUSAT GEOSPATIAL NEGARA, NRES DI
PERSADA GLOBAL: TERIMA ANUGERAH
SPECIAL ACHIEVEMENT IN GIS (SAG)
2026 MELALUI PLATFORM MALAYSIA
GEOSPATIAL ONLINE SERVICES
(MyGOS)

Berita penuh di halaman 5.



MESYUARAT KUMPULAN KERJA STANDARDISASI KOD DAN WARNA SIMBOL (KKKWS) BIL. 1/2026 BAGI KATEGORI SPECIAL USE, HYPSOGRAPHY DAN GENERAL

4 MEI 2026 | PUTRAJAYA

Mesyuarat Kumpulan Kerja Standardisasi Kod dan Warna Simbol (KKKWS) Bil. 1/2026 telah diadakan bagi membincangkan dan menyelaraskan kod serta warna simbol untuk kategori Special Use, Hypsography dan General. Inisiatif standardisasi ini bertujuan memastikan keseragaman paparan peta dan aplikasi geospasial, serta menyediakan rujukan yang seragam untuk kegunaan agensi berkaitan.



SESI TECHNOLOGY UPDATE: PERISIAN KQGIS

11 MEI 2026 | PUTRAJAYA

Pusat Geospasial Negara (PGN) telah mengadakan sesi Technology Update Perisian KQGIS yang disampaikan oleh Sky-Shine Corporation Sdn. Bhd. Sesi ini merangkumi aspek lesen, penyelenggaraan, sokongan teknikal, integrasi pangkalan data serta demonstrasi GIS 2D/3D dan Web GIS bagi menilai potensi KQGIS dalam menyokong operasi geospasial.



SESI LIBAT URUS (SLU) KAJIAN KESEDIAAN PEMUSATAN PERKHIDMATAN GEOSPASIAL SEKTOR AWAM (PGSA) ZON SELATAN

07 MEI 2026 | JOHOR

Sesi Libat Urus (SLU) Pemusatan Perkhidmatan Geospasial Sektor Awam Zon Selatan menghimpunkan wakil agensi sektor awam dari Melaka, Negeri Sembilan dan Johor bagi mendapatkan pandangan serta maklum balas berkaitan kesediaan pelaksanaan PGSA. Perbincangan FGD meliputi 11 elemen utama dalam memperkukuh ekosistem geospasial negara.



LATIHAN PEMBANGUNAN GRAFIK DAN MULTIMEDIA, PUSAT GEOSPASIAL NEGARA (PGN), KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)

18-21 MEI 2026 | UNIVERSITI ISLAM SELANGOR

Pusat Geospasial Negara (PGN) telah menganjurkan Latihan Pembangunan Grafik dan Multimedia bagi meningkatkan kemahiran pegawai dalam penghasilan grafik, reka bentuk visual, penyuntingan video, ilustrasi digital dan animasi. Seramai 15 peserta mengikuti latihan secara hands-on menggunakan perisian Adobe bagi memperkukuh penyampaian komunikasi korporat dan kandungan digital.



LATIHAN APLIKASI MYGDI EXPLORER BAGI PENGISIAN DAN PENERBITAN METADATA

21 MEI 2026 | PUTRAJAYA

Pusat Geospasial Negara (PGN) telah mengadakan latihan aplikasi MyGDI Explorer bagi pengisian dan penerbitan metadata bersama agensi pembekal data (APD). Latihan ini bertujuan meningkatkan kefahaman peserta berkaitan pengurusan metadata serta kepentingan penerbitannya untuk perkongsian maklumat geospasial melalui MyGDI Explorer.



SESI LIBAT URUS (SLU) KAJIAN KESEDIAAN PEMUSATAN PERKHIDMATAN GEOSPASIAL SEKTOR AWAM (PGSA) ZON TIMUR

09 JUN 2026 | PUTRAJAYA

Pelaksanaan SLU Kajian Kesiediaan Pemusatan PGSA Zon Timur secara dalam talian pada 9 Jun 2026 melibatkan agensi sektor awam Pahang, Terengganu dan Kelantan. Sesi ini bertujuan mendapatkan pandangan, pengalaman dan maklum balas tahap kesiediaan melalui FGD merangkumi 11 elemen utama. Dapatan menjadi input merangka hala tuju serta strategi pelaksanaan PGSA.



LAWATAN AKADEMIK PELAJAR DAN PENSYARAH JABATAN KEJURUTERAAN BIOLOGI DAN PERTANIAN, FAKULTI KEJURUTERAAN, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)

08 JUN 2026 | PUTRAJAYA

Lawatan akademik pelajar dan pensyarah Jabatan Kejuruteraan Biologi dan Pertanian, Fakulti Kejuruteraan, UPM memberi pendedahan mengenai struktur data GIS, pengurusan pangkalan data, pemerolehan dan pembentangan data serta analisis spatial. Pelajar turut memahami peranan PGN sebagai penyelaras MyGDI dan kepentingan data geospasial dalam analisis serta pembuatan keputusan berasaskan data.



PROGRAM NEXTGEN SOFTWARE ENGINEERING AND DESIGN SYMPOSIUM 2026

10 JUN 2026 | UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM)

Penyertaan dalam Program NextGen Software Engineering and Design Symposium 2026 di UPNM membuka ruang memperkenalkan peranan PGN serta berkongsi kepentingan teknologi geospasial, GIS, AI dan analitik data dalam menyokong pertahanan, keselamatan, pembuatan keputusan strategik dan pembangunan negara berasaskan data.



LAWATAN AKADEMIK PELAJAR DAN PENSYARAH JABATAN TEKNOLOGI PERTANIAN, FAKULTI PERTANIAN, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)

18 JUN 2026 | PUTRAJAYA

Kunjungan akademik pensyarah dan pelajar Tahun 2 Program Bachelar Teknologi Pertanian Pintar, UPM memberi pendedahan mengenai teknologi dan data geospasial dalam menyokong pertanian pintar. Perkongsian meliputi pemetaan, pemantauan tanaman, analisis spatial serta penggunaan AI, IoT dan analitik data raya, di samping peranan MyGDI dalam pengurusan data geospasial negara.



PENYERTAAN SEBAGAI PENCERAMAH BAGI PROGRAM GEOFUTURE CAREERS 2026 UTM SKUDAI

26 JUN 2026 | UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

Pusat Geospasial Negara menyertai Program GeoFuture Careers 2026 di Dewan Premier Sarawak, UTM, anjuran Kelab Geoinformatik (GEOINFO) dan Persatuan Mahasiswa Ukur Tanah (PEMETA). Sr Nik Zamri Sham bin Nik Bahari Shah menyampaikan taklimat berkaitan peranan PGN dalam pembangunan GDI di Malaysia.



SESI LIBAT URUS PEMBANGUNAN PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA GEOGRAFI (ANALITIK GEOSPASIAL) UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM) BERSAMA PUSAT GEOSPASIAL NEGARA (PGN)

19 JUN 2026 | PUTRAJAYA

Pusat Geospasial Negara (PGN) menerima kunjungan delegasi USM bagi sesi libat urus pembangunan Program Ijazah Sarjana Muda Geografi (Analitik Geospasial) dengan Kepujian. Sesi ini membolehkan PGN berkongsi pandangan dan pengalaman bagi memperkukuh kandungan program selaras dengan keperluan industri.



MESYUARAT KALI KE-18 KUMPULAN KERJA PANGKALAN DATA NAMA GEOGRAFI DAN GAZETIR KEBANGSAAN (KKPDNG)

30 JUN 2026 | PUTRAJAYA

Mesyuarat Ke-18 KKPDNG membincangkan kemajuan pembangunan Pangkalan Data Nama Geografi, penerbitan Gazetir Kebangsaan serta perancangan 2026–2027. Perbincangan turut memperkukuh penyelarasan penamaan nama geografi dan mengetengahkan persediaan Malaysia sebagai tuan rumah United Nations Group of Experts on Geographical Names (UNGEGN) Asia South-East Division (ASED).



PENYERTAAN SEBAGAI PENCERAMAH BAGI PROGRAM GEOSPATIAL INNOVATION FESTIVAL (GEOFEST) 2026

02 JULAI 2026 | UITM, SHAH ALAM

Program Geospatial Innovation Festival (GEOFEST) 2026 di UiTM Shah Alam menjadi platform perkongsian mengenai peranan PGN dalam pembangunan Spatial Data Infrastructure (SDI) di Malaysia. Program ini memperkasa pengetahuan pelajar tentang data spatial, teknologi geospatial, pembangunan mampan serta peluang kerja dalam industri geospatial.



MESYUARAT BERKAITAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI PLATFORM ANALITIK DATASARANA DALAM PENGURUSAN DATA GEOSPATIAL

13 JULAI 2026 | PUTRAJAYA

Sesi perbincangan bersama wakil 10 Creative Solutions Sdn. Bhd. membincangkan potensi Platform Analitik Datasarana dalam memperkukuh pengurusan, integrasi dan analisis data geospatial. Perkongsian turut mengetengahkan teknologi Big Data, Machine Learning dan Kecerdasan Buatan serta aspek pelesenan dan integrasi sistem.



PELAKSANAAN AUDIT SIRIM ISO/IEC 27001 : 2022 INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM (ISMS) PUSAT GEOSPATIAL NEGARA (PGN)

02-03 JULAI 2026 | PUTRAJAYA

Audit Pemantauan Pertama (Surveillance 1) bagi pensijilan ISO/IEC 27001:2022 ISMS telah berjaya dilaksanakan bagi menilai pematuhan, keberkesanan kawalan dan pengurusan keselamatan maklumat. Penemuan audit akan dimanfaatkan bagi memperkukuh keselamatan siber, pengurusan risiko serta perlindungan Infrastruktur dan Infostruktur Geospatial Program MyGDI.



PENYERTAAN PUSAT GEOSPATIAL NEGARA DALAM FORUM KEBANGSAAN 2026 : PENGUKUHAN PENGURUSAN DATA DAN KONSERVASI MARIN DI MALAYSIA

14-15 JULAI 2026 | PUTRAJAYA

Forum Kebangsaan 2026 menghimpunkan agensi kerajaan, akademik, NGO dan pihak berkepentingan bagi membincangkan pengurusan data marin, pemuliharaan biodiversiti serta perkongsian data. PGN turut membentangkan evolusi Spatial Data Infrastructure (SDI) kepada Geospatial Knowledge Infrastructure (GKI) dalam menyokong keputusan berasaskan bukti.



PUSAT GEOSPATIAL NEGARA, NRES DI PERSADA GLOBAL: TERIMA ANUGERAH SPECIAL ACHIEVEMENT IN GIS (SAG) 2026 MELALUI PLATFORM MALAYSIA GEOSPATIAL ONLINE SERVICES (MyGOS)

13 JULAI 2026 | AMERIKA SYARIKAT

Pusat Geospasial Negara (PGN), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), melakar sejarah apabila menerima Anugerah Special Achievement in GIS (SAG) 2026 pada 13 Julai 2026 bagi inovasi Platform Malaysia Geospasial Online Services (MyGOS). Pengiktirafan berprestij ini telah disampaikan sempena Esri International User Conference (Esri UC) 2026 yang berlangsung di San Diego, Amerika Syarikat. PGN dipilih daripada lebih 100,000 organisasi pengguna GIS di seluruh dunia, sekali gus meletakkan Malaysia sebaris dengan organisasi GIS terkemuka di peringkat antarabangsa.



MESYUARAT DAN LAWATAN KERJA KUMPULAN KERJA MULTI-LINGUAL GLOSSARY OF TERMS (KKMLGT) MAKLUMAT GEOGRAFI/GEOMATIK BILANGAN 2 TAHUN 2026

20 JULAI 2026 | GOMBAK

Mesyuarat KKMLGT Bilangan 2 Tahun 2026 dipengerusikan oleh YBrs. Sr Gs. Dr. Mohammad Zakri bin Tarmidi, Pensyarah Kanan Jabatan Geoinformasi Fakulti Alam Bina dan Ukur Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan disusuli lawatan kerja ke Geotapak Gombak-Hulu Langat, iaitu Gua Lepak dan Gua Damai. Lawatan memberi pendedahan berkaitan formasi batu kapur, nilai saintifik, fosil, biodiversiti, pemeliharaan warisan geologi serta pengurusan kawasan batu kapur secara lestari.



MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARAS MyGDI KEBANGSAAN (JPMK) KALI KE-16 TAHUN 2026

15 JULAI 2026 | PUTRAJAYA

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras MyGDI Kebangsaan (JPMK) Ke-16 Tahun 2026 dipengerusikan oleh Pengerusi Ganti, Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I, JUPEM, YBrs. Sr. Dr. Ahmad Sanusi bin Che Cob, bagi membincangkan pengurusan, tadbir urus dan dasar perkongsian maklumat geospasial melalui MyGDI di peringkat kebangsaan.



LAWATAN KE LOJI RAWATAN AIR LANGKAT 2, HULU LANGAT

22 JULAI 2026 | SELANGOR

Pusat Geospasial Negara (PGN) telah mengadakan lawatan ke Loji Rawatan Air Langkat 2 (LRA Langkat 2) yang dikendalikan oleh Air Selangor Sdn. Bhd. dengan penyelarasan oleh pihak Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Lawatan ini turut disertai oleh wakil pelbagai agensi custodian data Utility seperti Bahagian Pemetaan Utiliti (BPU, JUPEM), Bahagian Geospasial Pertahanan (BGSP, JUPEM), Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK), Suruhanjaya Tenaga (ST) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).



PENYERTAAN PUSAT GEOSPATIAL NEGARA DALAM 14TH MALAYSIA LAND CONFERENCE 2026

29-30 JULAI 2026 | KUALA LUMPUR

Pusat Geospasial Negara (PGN) telah menyertai 14TH Malaysia Land Conference 2026 anjuran Comfori yang berlangsung pada 29 hingga 30 Julai 2026 di Hotel Royal Signature, Kuala Lumpur. Bertemakan “Shaping the Future of Land Governance, Planning and Sustainable Development”, persidangan ini menghimpunkan pelbagai pihak berkepentingan dalam pengurusan, perancangan dan pembangunan tanah. Dalam persidangan tersebut, Sr Juzaila Abd Satar, Timbalan Pengarah, Cawangan Pembangunan Geodata dan Penyelidikan, Pusat Geospasial Negara, telah menyampaikan pembentangan bertajuk “Strategic Land Allocation for National and Regional Development”.



MESYUARAT TEKNIKAL BERSAMA MALAYSIA INVESTMENT DEVELOPMENT AUTHORITY (MIDA)

07 OGOS 2026 | PUTRAJAYA

Pusat Geospasial Negara (PGN), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) telah menerima kunjungan delegasi daripada Malaysian Investment Development Authority (MIDA) bagi mengadakan mesyuarat teknikal berkaitan pembangunan MySite Selection Portal. PGN menyambut baik inisiatif ini yang bertujuan membantu pelabur tempatan dan antarabangsa membuat pemilihan lokasi industri secara lebih tepat, pantas dan berkesan, berasaskan maklumat dan data yang relevan.



PUSAT GEOSPATIAL NEGARA SERTA 13TH IGRSM INTERNATIONAL CONFERENCE AND EXHIBITION ON GEOSPATIAL AND REMOTE SENSING (IGRSM 2026)

05-06 OGOS 2026 | KUALA LUMPUR

Sebagai pempamer, Pusat Geospasial Negara telah mengetengahkan peranan serta inisiatif di bawah Program Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI) dalam memperkasa perkongsian dan penggunaan maklumat geospasial bagi menyokong perancangan serta pembangunan negara. Timbalan Pengarah PGN, Puan Hafirah binti Jamaludin, telah dijemput sebagai penceramah khas untuk berkongsi pengetahuan, pengalaman dan perspektif berkaitan perkembangan geospasial kepada para peserta persidangan.



MAJLIS PENYERAHAN APLIKASI KEMAMAN GIS (KGIS) MELALUI KOLABORASI PLATFORM MALAYSIA ONLINE SERVICES (MyGOS)

09 OGOS 2026 | TERENGGANU

Majlis Penyerahan Data dan Aplikasi Kemaman GIS (KGIS) kepada Majlis Perbandaran Kemaman (MPK) telah berlangsung dengan jayanya sebagai salah satu usaha memperkukuh penggunaan teknologi geospasial dalam pengurusan dan penyampaian perkhidmatan pihak berkuasa tempatan. Majlis telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Wan Sukairi bin Wan Abdullah, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Terengganu, dengan penyerahan oleh Pengarah Pusat Geospasial Negara (PGN), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) kepada Yang Dipertua MPK.



MESYUARAT KUMPULAN KERJA PENERBITAN (KKP) BILANGAN 1/2026

14 OGOS 2026 | PUTRAJAYA

Mesyuarat Kumpulan Kerja Penerbitan (KKP) Bil. 1/2026 di bawah Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Sumber Tanah dan Alam Sekitar (JTPSTAS) telah dipengerusikan oleh YBrs. Ts. Rusliza Hanim binti Maarif, Pengarah Pusat Geospatial Negara (PGN). Mesyuarat diadakan bagi membincangkan dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti KKP serta meneliti perkembangan berkaitan penerbitan Katalog Sumber Tanah dan Alam Sekitar.



KURSUS PENULISAN KREATIF (STORYMAPS) JABATAN WARISAN NEGARA DI BAWAH PLATFORM MALAYSIA GEOSPATIAL ONLINE SERVICES (MyGOS)

26-27 OGOS 2026 | PUTRAJAYA

Kursus tersebut bertujuan menambah baik Aplikasi Daftar Warisan yang dibangunkan melalui Platform MyGOS, memberi pendedahan kepada teknik penulisan kreatif berasaskan penceritaan (storytelling), meningkatkan kemahiran menghasilkan kandungan StoryMaps yang berimpak, menggalakkan penggunaan medium digital dalam dokumentasi dan promosi jabatan dan menghasilkan draf StoryMaps sebagai output kursus.



MESYUARAT TEKNIKAL BERSAMA KEMENTERIAN PELABURAN PERDAGANGAN DAN INDUSTRI (MITI)

26 OGOS 2026 | PUTRAJAYA

Kunjungan delegasi daripada Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) bagi membincangkan keperluan data geospasial untuk pembangunan dan pengujian Supply Chain Integrated Management System (SCIMS). Mesyuarat ini memberi tumpuan kepada aspek integrasi dan pemanfaatan data geospasial dalam memperkukuh pengurusan serta meningkatkan kecekapan rantai bekalan industri negara.



INFO MyGDI

MANFAAT MyGOS UNTUK AGENSI KERAJAAN

